

02 OCT 2003

Idris-Pas

PENDUDUK TERENGGANU PERLU KEMBALI KEPADA BN, KATA IDRIS

KUALA TERENGGANU, 2 Okt (Bernama) -- Penduduk Terengganu diminta menolak perjuangan Pas yang hanya pandai menjanjikan penubuhan negara Islam sedangkan parti itu tidak mempunyai niat untuk berbuat demikian, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu Datuk Idris Jusoh.

Menurutnya, kenyataan Naib Presiden Pas Datuk Mustafa Ali melalui rancangan Hardtalk terbitan British Broadcasting Corporation (BBC) baru-baru ini bahawa parti itu sebenarnya tidak berhasrat menubuhkan sebuah negara Islam di Malaysia adalah hakikat sebenar perjuangan Pas.

"Pas tak ada tujuan untuk menubuhkan negara Islam dan sebab itulah mereka gagal menyediakan `blue print' sebuah negara Islam sebagaimana yang diminta Dewan Pemuda Pas dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Agak memalukan apabila Pas menyalahkan media kononnya cuba menakut-nakutkan rakyat bukan Islam mengenai konsep negara Islam sedangkan mereka sendiri tidak pernah bercita-cita sedemikian," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Mustafa dalam rancangan itu yang disiarkan melalui Astro pada Jumaat lepas yang antara lain berkata Pas tidak pernah menyebut mengenai hasratnya untuk menubuhkan sebuah negara Islam.

Mengulas lanjut mengenainya, Idris berkata tidak terlalu menghairankan jika pemimpin Pas seperti Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang cuba menafikan kenyataan Mustafa dengan menyalahkan wartawan BBC Tim Sebastian yang dianggap tidak memahami Islam.

Ini kerana menurutnya, pemimpin Pas akan menafikan apa sahaja yang pernah mereka cakapkan jika kenyataan itu didapati menimbulkan kontroversi.

"Kenyataan itu sama dengan apa yang disebut Abdul Hadi bahawa Pas tidak akan meminda perlembagaan jika diberikan kuasa tetapi pemimpin Pas sentiasa menjaja kepada rakyat kononnya mereka mahu menubuhkan negara Islam.

"Oleh itu, pengikut Pas khususnya di Terengganu dan Kelantan perlu kembali kepada Barisan Nasional kerana pemimpin mereka (Pas) secara terbuka telah membohongi rakyat," katanya.

-- BERNAMA

AYB HIS PR